

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat: TAPAK PROJEK BERSEBELAHAN DENGAN MAS CARGO CENTER
KLIA
Tarikh : 06-06-2005
Tajuk : UPACARA PECAH TANAH PROJEK BANGUNAN TERMINAL
PENERBANGAN KOS MURAH (LCC)

UCAPAN YANG AMAT BERTAMBAH
DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
TIMBALAN PERDANA MENTERI
BERSEMPENA DENGAN UPACARA PECAH TANAH
PROJEK BANGUNAN TERMINAL
PENERBANGAN KOS MURAH (LCC)
DI TAPAK PROJEK BERSEBELAHAN DENGAN
MAS CARGO CENTER, KLIA
6 JUN 2005
JAM 3.00 PETANG

Bismillahirrahmanirrahim

Y.B. Dato' Sri Chan Kong Choy
Menteri Pengangkutan

YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Aris bin Othman
Pengerusi Malaysia Airports

YBhg. Dato' Seri Bashir Ahmad bin Abdul Majid
Pengarah Urusan, Malaysia Airports

Dif-dif Kehormat

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Bersyukur kita kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama pada Majlis Upacara Pecah Tanah Projek Bangunan Terminal Penerbangan Kos Murah di KLIA pada petang ini.
2. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y.B. Dato' Sri Chan Kong Choy, Menteri Pengangkutan, di atas kesudian beliau menjemput saya untuk merasmikan upacara yang bersejarah ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Projek Bangunan Terminal Penerbangan Kos Murah di KLIA yang dilancarkan pada hari ini merupakan satu lagi inisiatif Kerajaan bagi memantapkan industri penerbangan dan pengangkutan udara di Malaysia. Kerajaan amat prihatin terhadap

kemajuan sektor ini kerana ia merupakan salah sebuah saluran utama bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

4. Projek yang bakal dilancarkan ini merupakan hasil keputusan Kerajaan yang dibuat pada bulan Februari tahun 2005 supaya sebuah Bangunan Terminal khas dibina di KLIA untuk menampung operasi penerbangan kos rendah. Keputusan Kerajaan ini merupakan satu langkah strategik, bukan sahaja bagi menentukan industri penerbangan Malaysia terus mencapai pertumbuhan yang pesat tetapi juga bagi mencapai objektif untuk memajukan KLIA sebagai hub penerbangan serantau yang menarik, khususnya bagi syarikat-syarikat penerbangan kos rendah (LCC) di rantau ini.

5. Apabila Bangunan Terminal ini siap dibina kelak, ia akan dapat membantu AirAsia dan syarikat-syarikat penerbangan LCC yang menggunakan terminal ini mencapai kos operasi yang lebih rendah. Di samping itu, kemudahan-kemudahan yang disediakan akan membolehkan syarikat-syarikat penerbangan LCC mencapai masa turnaround yang lebih singkat berbanding dengan keadaan semasa. Secara keseluruhannya, bangunan terminal yang khusus ini bukan sahaja akan meningkatkan daya saing LCC tempatan yang unggul (iaitu AirAsia) malah, ia mampu menarik minat syarikat-syarikat LCC lain di rantau ini untuk beroperasi di sini. Dalam kata lain, projek ini akan membantu mengukir jenama KLIA sebagai pusat penerbangan LCC yang utama di rantau ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Bangunan Terminal penerbangan kos rendah ini akan dapat mengendalikan seramai 10 juta penumpang setahun, dan tapak pemakiran yang dibina akan dapat menampung 30 buah pesawat jenis B737 pada bila-bila masa. Ini merupakan peningkatan kapasiti yang cukup ketara bagi pengendalian penerbangan LCC. Dalam pada itu, untuk tujuan menentukan kemudahan serta perkhidmatan pengangkutan awam yang disediakan memberi keselesaan kepada penumpang-penumpang, Kerajaan bersama-sama dengan Malaysia Airports akan mewujudkan sistem pengangkutan awam yang efisien di antara bangunan terminal ini dengan pusat-pusat bandar di Lembah Klang. Di samping itu, satu sistem pengangkutan inter-terminal juga akan diadakan di antara Bangunan Terminal Utama dengan bangunan terminal khas ini.

7. Kita yakin, semua kemudahan-kemudahan yang disediakan ini akan menjadi faktor penarik bagi menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat LCC serantau bertapak di sini. Insya-Allah, apabila objektif ini tercapai kelak, bukan sahaja industri pengangkutan udara yang mencapai kemajuan, tetapi industri pelancongan negara juga akan mendapat manfaat dan ini seterusnya akan menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Pada tahun 2004, lapangan-lapangan terbang di Malaysia secara keseluruhannya telah mencapai kadar pertumbuhan yang tinggi dan mengendalikan 39.4 juta penumpang berbanding dengan 33.5 juta penumpang pada tahun 2003. Kadar pertumbuhan yang dicapai pada tahun 2004 ialah sebanyak 17.7% berbanding dengan tahun sebelumnya.

9. KLIA pula telah mengendalikan seramai 21.05 juta penumpang pada tahun 2004

berbanding dengan 17.5 juta penumpang pada tahun 2003; manakala jumlah trafik telah bertambah seramai 3.5 juta dan kadar pertumbuhan yang dicapai ialah sebanyak 20.6% pada tahun 2004 berbanding 2003. Ini adalah satu perkembangan yang amat positif dan ianya menunjukkan petanda baik bahawa matlamat kita untuk menjadikan KLIA sebagai sebuah hub penerbangan serantau akan tercapai..

10. Berasaskan kepada kadar pertumbuhan secara purata 7.5% setahun, diramalkan bahawa KLIA akan dapat mengendalikan 25 juta penumpang dalam tempoh 3 tahun iaitu pada tahun 2007, sekali gus mencapai status sebagai salah satu daripada hub penerbangan serantau pada tahun itu. Kita yakin matlamat ini boleh tercapai, dan Kerajaan akan memberikan sokongan sepenuhnya bagi memastikan hasrat ini menjadi kenyataan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Pada hari ini, tidak dapat dinafikan lagi bahawa penerbangan kos rendah bukan hanya suatu trend semata-mata. Sebaliknya, sudah terbukti bahawa penerbangan LCC merupakan pilihan sebilangan besar penumpang, bukan sahaja dirantau ini tetapi juga ditempat-tempat lain diseluruh dunia. Saya dimaklumkan bahawa pada tahun 2004, AirAsia telah menyumbang seramai 3.5 juta penumpang kepada jumlah penumpang seluruh negara. Di KLIA, jumlah penumpang yang dikendalikan oleh AirAsia ialah sebanyak 2.98 juta penumpang pada tahun 2004. Berasaskan kepada kadar pertumbuhan yang diramalkan oleh AirAsia sendiri, syarikat berkenaan dijangkakan akan dapat mengendalikan seramai 10 juta penumpang dalam tempoh 5 tahun yang akan datang. Pencapaian ini amat memberangsangkan dan kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada syarikat tempatan ini, yang jelas sekali telah berjaya bukan sahaja di dalam negara tetapi juga diperingkat antarabangsa. Malah, penganalisa industri penerbangan secara keseluruhannya berpendapat bahawa kejayaan AirAsia sebagai sebuah LCC telah mendorong pertumbuhan pesat syarikat-syarikat LCC lain diseluruh rantau Asia Pasifik, termasuk di China dan India. Ini adalah sesuatu yang cukup membanggakan.

12. Lebih penting lagi kejayaan AirAsia ini membuktikan dengan jelas bahawa penerbangan LCC kini muncul sebagai sektor penting dalam industri penerbangan dan ianya wajar diberikan perhatian yang serius. Justeru itu, saya kira langkah untuk mewujudkan terminal khas bagi penerbangan LCC ini adalah satu langkah yang tepat dan amat sesuai dengan waktu dan keadaan masa kini.

13. Walau bagaimanapun, ini bukan bermakna sektor lain dalam industri ini tidak diberikan perhatian. Seperti yang telah saya sebutkan, Industri pengangkutan udara secara keseluruhannya adalah amat penting kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sebab itu Kerajaan terus memberikan perhatian yang serius terhadap semua aspek kemajuannya. Projek Bangunan Terminal Penerbangan Kos Murah di KLIA hanya merupakan salah satu daripada beberapa projek yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menampung keperluan syarikat-syarikat penerbangan khususnya syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa yang lain yang amat cenderung mewujudkan destinasi baru dirantau Asia.

14. Di KLIA, Malaysia Airports akan meningkatkan kemudahan-kemudahan utama termasuk sistem landasan terbang, taxiway dan Bangunan Terminal untuk menampung operasi pesawat Airbus 380 yang akan mula dikendalikan oleh Penerbangan Malaysia (Malaysia Airlines/MAS) pada awal tahun 2007. Apabila kerja-kerja peningkatan ini siap kelak, KLIA akan merupakan satu daripada golongan kecil

lapangan-lapangan terbang antarabangsa yang berupaya mengendalikan pesawat yang terbaru dan terbesar di dunia ini. Ini akan menjadi satu lagi tarikan bagi syarikat-syarikat penerbangan lain untuk turut berminat beroperasi di KLIA.

15. Di samping itu, Kerajaan dan Malaysia Airports juga telah mula membuat perancangan untuk menambahkan keupayaan bangunan terminal yang sedia ada apabila jumlah penumpang bukan-LCC (Non-LCC passengers) mencapai kapasiti 25 juta penumpang pada tahun 2007. Perancangan ini termasuk pembinaan Bangunan Satelit B untuk tujuan meningkatkan keupayaan KLIA kepada 35 juta penumpang setahun. (Tidak termasuk kapasiti bangunan terminal LCC). Demikianlah usaha kita yang berterusan untuk terus meningkatkan sektor pengangkutan udara. Insya-Allah, dengan kerjasama semua pihak, usaha-usaha ini akan membuahkan hasil yang lumayan untuk kebaikan rakyat dan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dan komitmen yang sepadu untuk menjayakan projek yang penting ini. Rakaman penghargaan yang khusus juga disampaikan kepada agensi-agensi pusat Kerajaan, Kementerian Pengangkutan dan Malaysia Airports atas dedikasi yang ditunjukkan bagi merealisasikan projek ini. Seterusnya saya harap semua pihak yang terlibat dalam projek ini akan dapat melaksanakannya dengan penuh semangat dan tahap profesionalisme yang tinggi. Akhir sekali, saya mendoakan agar projek ini akan berjalan lancar dan siap dalam masa sebagaimana yang dirancang.

17. Maka dengan kata-kata itu, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim dengan sukacitanya merasmikan upacara pecah tanah Projek Bangunan Terminal Penerbangan Kos Murah, KLIA.

Sekian, terima kasih.

PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI
06 Jun 2005